



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan : JKR-KPKR:121.010/05 Jld.9(4)

Tarikh : 16 Mei 2017

Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas
Pengarah JKR KESEDAR
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 13 /2017

**PEMAKAIAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB)
DALAM SISTEM KERJA JKR MALAYSIA**

**SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK JKR MS ISO 9001:2015),
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (SPAS JKR MS ISO 14001:2015),
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(SPKKP JKR OHSAS 18001:2007)
SISTEM PENGURUSAN TENAGA (SPT JKR MS ISO 50001:2011).**

1.0 TUJUAN

1.1 Surat arahan ini bertujuan untuk **memaklumkan**:

- i. Perubahan ketara kepada Dokumen SPB iaitu peralihan **ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015** dan **ISO 14001:2004 kepada ISO 14001:2015**.
- ii. Manual SPB mengandungi sepuluh (10) Seksyen.

1/7

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur

Tel.: 03- 2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO.: SR 0802



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: EnR 0013

Rujukan : JKR-KPKR:121.010/05 Jld.9(**4**)
Tarikh : **16** Mei 2017

- iii. Perubahan kepada skop pengurusan penyenggaraan iaitu pengurusan penyenggaraan bagi **aset di bawah milikan Kementerian Kerja Raya dan kawalan senggara JKR** yang jumlah kos kontrak melebihi RM 500,000.00.
- iv. Kehendak ISO versi 2015 ini adalah berdasarkan kepada ***Risk-Based Thinking, Plan-Do-Check-Action (PDCA)*** dan ***Process Approach***.
- v. Penambahbaikan, pindaan dan pengemaskinian kepada Dokumen SPB bagi meningkatkan lagi pencapaian Dasar dan Objektif SPB selaras dengan Seksyen 10.3 Penambahbaikan Berterusan.
- vi. Penggunaan **Dokumen SPB keluaran 04** bertarikh 1 Disember 2015 hanya diguna pakai sehingga **31 Mei 2017**.
- vii. Penguatkuasaan pemakaian **Dokumen SPB keluaran 05** bertarikh 1 Jun 2017 mulai **1 Jun 2017**.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemakaian SPB di JKR buat julung kalinya telah dilaksanakan setelah arahan pemakaiannya dikeluarkan melalui Surat Arahan KPKR Bil. 1/2011 (Rujukan: Bil. (5) dlm. JKR.KPKR. 13.020.050/ 03 Jld.1 bertarikh 20 April 2011). Pemakaian SPB ini berkuat kuasa pada tarikh yang sama surat tersebut dikeluarkan. Seterusnya Surat Arahan KPKR Bil 20/2013 (JKR.KPKR:113.020.050/03 Jld.5 (8) bertarikh 29 Oktober 2013) telah dikeluarkan di mana penguatkuasaan Dokumen SPB adalah pada 1 November 2013. Ia melibatkan penambahan skop SPK kepada bisnes utama JKR iaitu Pengurusan Penyenggaraan. Selanjutnya Surat Arahan KPKR Bil 2/2015 (JKR.KPKR:113.020.050/03 Jld.8 (6) bertarikh 30 Januari 2015) telah dikeluarkan di mana penguatkuasaan Dokumen SPB keluaran 03 adalah pada 1 Februari 2015. Ia melibatkan penambahbaikan proses sedia ada dengan memasukkan amalan terbaik pengurusan projek bagi projek bernilai RM50 Juta ke atas. Bagi Surat Arahan KPKR Bil 4/2016 (JKR-KPKR:121.010/05 Jld.3 (5) bertarikh 18 Februari 2016) telah dikeluarkan di mana penguatkuasaan Dokumen SPB keluaran 04 adalah pada 1 April 2016. Ia melibatkan penambahan Sistem Pengurusan Tenaga (SPT) di dalam Dokumen SPB sedia ada.

- 2.2 Dokumen SPB merupakan integrasi empat (4) sistem iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (SPK JKR MS ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS JKR MS ISO 14001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP JKR OHSAS 18001:2007) dan Sistem Pengurusan Tenaga (SPT JKR MS ISO 50001:2011).
- 2.3 Pada masa yang sama, usaha telah dibuat untuk mengkaji semula Dokumen SPB sedia ada bagi tujuan menambah baik dan meminda kesemua Dokumen SPB selaras dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh JKR Cawangan /Negeri, keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dan keperluan semasa.
- 2.4 Dokumen SPB yang baru ini merupakan dokumen kerja yang *standard* yang perlu dirujuk dan diguna pakai oleh staf JKR yang berkaitan agar pelaksanaan keempat-empat sistem dalam SPB JKR akan lebih sistematik, seragam dan berkesan.

3.0 DOKUMEN SPB

Hierarki Dokumen SPB adalah seperti berikut:

3.1 Hierarki Pertama: Dasar dan Objektif SPB

Dasar SPB ialah pernyataan dan komitmen JKR untuk menghasilkan produk dan memberi perkhidmatan berkualiti yang memenuhi kepuasan pelanggan, mematuhi keperluan alam sekitar, memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada tahap yang terbaik serta melaksanakan pengurusan tenaga yang cekap.

Objektif SPB ialah sasaran pencapaian JKR dalam pelaksanaan dan pengurusan projek, khidmat nasihat kejuruteraan dan pengurusan penyenggaraan.

3.2 Hierarki Kedua: Manual SPB

Manual SPB ialah dokumen yang menjelaskan dasar dan perancangan SPB.

3.3 Hierarki Ketiga: Prosedur Kerja

Prosedur Kerja SPB ialah dokumen yang menjelaskan segala aktiviti pengurusan dan operasi SPB JKR Malaysia.

3.4 Hierarki Keempat: Arahan Kerja, Dokumen Sokongan dan Rekod

Arahan Kerja ialah dokumen terperinci mengenai tugas dan aktiviti yang menyokong dokumen prosedur kerja SPB tertentu apabila perlu.

Dokumen Sokongan meliputi akta, pekeliling, arahan kerajaan, surat arahan KPKR, arahan teknik, spesifikasi, peraturan dan garis panduan kerja jabatan yang dirujuk serentak semasa menggunakan pakai dokumen-dokumen di atas.

Rekod merupakan semua data dan maklumat yang dikumpul dan direkod secara sistematik yang berkaitan dengan pelaksanaan SPB sebagai bahan bukti dalam pelaksanaan SPB.

4.0 KAWALAN DAN EDARAN DOKUMEN SPB

- 4.1 Dokumen SPB merupakan dokumen terkawal yang disimpan secara maya di dalam Laman Sesawang SPB dan boleh diakses melalui <http://www.jkr.gov.my/spb/>. Terdapat dua (2) salinan asal secara *hardcopy* yang mana satu (1) salinan masing-masing disimpan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) dan Pegawai Dokumen Bersepadu (PDB).

5.0 SKOP PELAKSANAAN SPB JKR

- 5.1 Skop pematuhan SPK JKR MS ISO 9001:2015 adalah seperti berikut:
- Projek yang jumlah kos kontrak melebihi RM 500,000.00 yang meliputi aktiviti bisnes Perkhidmatan Kejuruteraan dan Pengurusan Projek.
 - Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengurusan Projek ianya hendaklah dilaksanakan bagi projek yang bernilai RM 50 juta ke atas.
 - Pengurusan Penyenggaraan bagi aset di bawah milikan Kementerian Kerja Raya dan kawalan senggara JKR yang jumlah kos kontrak melebihi RM 500,000.00.

Rujukan : JKR-KPKR:121.010/05 Jld.9(4)

Tarikh : 16 Mei 2017

- 5.2 Skop pematuhan SPAS JKR MS ISO 14001:2015 adalah ke atas Projek Persekutuan termasuk Sabah dan Sarawak yang meliputi aktiviti bisnes Perkhidmatan Kejuruteraan dan Pengurusan Projek bagi;
- i. Projek yang terletak di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan/atau;
 - ii. Projek yang melaksanakan *Environmental Impact Assessment* (EIA).
- 5.3 Skop pematuhan SPKKP JKR OHSAS 18001:2007 adalah bagi projek yang jumlah kos kontrak melebihi RM20 juta bagi Penyeliaan Projek di peringkat pembinaan.
- 5.4 Skop Pematuhan SPT JKR MS ISO 50001:2011 adalah melibatkan bangunan-bangunan sedia ada **terpilih** yang dikawal selia oleh JKR.

6.0 LANTIKAN STAF DAN TANGGUNGJAWAB

- 6.1 Pelantikan staf yang berkenaan hendaklah dibuat bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan keperluan Manual dan Prosedur SPB bagi memastikan SPB dilaksanakan sepenuhnya.
- 6.2 Adalah menjadi tanggungjawab semua Pengarah Berkenaan (PB) untuk memastikan Dasar SPB dipatuhi dan Objektif SPB dicapai. Visi, Misi, Fungsi dan Objektif JKR termasuk Dasar dan Objektif SPB hendaklah dipamerkan di lokasi yang sesuai di semua pejabat JKR bagi memberi pengetahuan dan kesedaran kepada staf JKR.
- 6.3 Adalah menjadi tanggungjawab staf JKR yang dilantik untuk menjalankan tugas sepertimana yang dinamakan serta mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya tugas yang dipertanggungjawabkan termasuk daripada aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran.
- 6.4 Adalah juga menjadi tanggungjawab staf JKR untuk memastikan sistem ini dipatuhi sepenuhnya.

7.0 KUAT KUASA

- 7.1 Surat Arahani ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2017 dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.
- 7.2 Penggunaan **Dokumen SPB keluaran 05 bertarikh 1 Jun 2017** adalah **berkuat kuasa** mulai 1 Jun 2017.
- 7.3 Dengan penggunaan Dokumen SPB baru seperti di para 7.2 di atas, maka penggunaan Dokumen SPB keluaran 04 bertarikh 1 Disember 2015 adalah dihentikan berkuat kuasa pada 31 Mei 2017.
- 7.4. Dengan berkuatkuasanya Surat Arahani ini, tempoh sah Surat Arahani KPKR Bil. 4/2016 : Pemakaian Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) Dalam Sistem Kerja JKR Malaysia (Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001, Sistem Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001, Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001 dan Sistem Pengurusan Tenaga JKR MS ISO 50001) bertarikh 18 Februari 2016 ditamatkan pada 31 Mei 2017.
- 7.4 Sebarang pengecualian kepada pemakaian Dokumen SPB ini, secara keseluruhan ataupun sebahagiannya, hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD TAHA)

Rujukan : JKR-KPKR:121.010/05 Jld.9(4)

Tarikh : 16 Mei 2017

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat